

# KUNJUNGAN RASMI TPOU MALAYSIA KE MAKASSAR

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2631-kunjungan-rasmi-tpou-malaysia-ke-makassar](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2631-kunjungan-rasmi-tpou-malaysia-ke-makassar)

MAKASSAR- Tim Perancang Operasi Udara (TPOU) Malaysia telah melaksanakan satu Kunjungan Rasmi ke Komando Sektor Pertahanan Udara Nasional II (KOSEKHANUDNAS II) Makassar, Indonesia pada 3 Nov 2017. Ini adalah bagi memenuhi Undangan Rapat TNI-AU kepada TUDM berdasarkan kepada pengarah yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat General Border Committee (GBC ) MALINDO pada Sep 2017. Kunjungan ini terdiri daripada tiga orang Pegawai TUDM yang diketuai oleh Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM dan telah disambut oleh Panglima Kosek 2 (Pangkosek 2) iaitu Marsma TNI Ir Tedi Rizalhadi bersama Pegawai- pegawai Kanan KOSEKHANUDNAS II.

